

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 18/03/2019  
**Edisi / Muka surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)  
**Tajuk** : **Angkasa sedia sertai sektor peruncitan atasi kenaikan kos sara hidup**

## **Angkasa sedia sertai sektor peruncitan atasi kenaikan kos sara hidup**

*Tarikh kemaskini: 18/03/2019*



KUANTAN, 18 Mac (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan (Angkasa) bersedia menyertai sektor peruncitan dan pemborong dalam usaha mengatasi beban rakyat menghadapi kenaikan kos sara hidup pada masa ini.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, perkara itu adalah antara cadangan yang sudah dikemukakan beliau ketika menghadiri mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup yang ditubuhkan kerajaan pusat, baru-baru ini.

"Kita tahu orang tengah antara punca kenaikan harga barangan runcit di pasaran dan berikutan itu, kami sedia menyertai sektor peruncitan dan pemborong bagi menyediakan barangan keperluan asas pada harga yang lebih kompetitif kepada pengguna.

"Perkara ini sudah saya suarakan ketika kali pertama menghadiri mesyuarat berkenaan...memang kami boleh atasi masalah itu (beban kos sara hidup) jika koperasi mengambil alih peranan dimainkan pemborong ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Sesi Dialog Bersama Pengetua-pengetua Sekolah Pahang di sini hari ini yang turut dihadiri oleh Timbalannya Datuk Kamarudin Ismail.

Majlis Tindakan Sara Hidup ditubuhkan pada Ogos tahun lalu dengan dipengerusikan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, manakala Abdul Fattah dilantik sebagai anggota majlis berkenaan pertengahan Februari lalu.

Dalam perkembangan lain, Abdul Fattah berkata Angkasa yakin sasaran 50 koperasi sekolah bakal mencapai perolehan sebanyak RM1 juta setahun menjelang 2020 akan dapat dicapai.

Menurutnya, sasaran berkenaan relevan kerana 25 daripada 2,406 sekolah menengah di negara ini telah pun mencatat perolehan tersebut.

"Pada tahun ini kami melihat potensi pada empat sekolah iaitu MRSM Kuantan, MRSM Kuala Lipis, MRSM Muadzam Shah dan Sekolah Al-Irsyad, Kuantan yang telah mencapai perolehan melebihi RM500,000 sejak tahun 2017.

Menurutnya, pihak Angkasa akan melihat setiap sekolah yang berpotensi dan mencari cara terbaik dalam mencapai sasaran serta matlamat penubuhan koperasi sendiri.

"Kami akan terus menambah baik langkah yang dilakukan seperti mengenal pasti cara pengurusan koperasi yang terbaik untuk memastikan sasaran yang ditetapkan berjaya dicapai.

-- *BERNAMA*